

## ISU IBU TUNGGAL

# Usul diselaraskan usaha bantu ibu tunggal

Pakar terapi keluarga saran elakkan 'poket-poket' bantuan berlainan bagi golongan ini supaya dapat elak duplikasi sumber



SEDIA USAHAKAN DIALOG: Cik Hamidah Bahashwan (tengah) - kelihatan bersama dua rakannya dalam khidmat pembangunan modal insan, Cik Badariah Yaakob (kiri) dan Cik Sharisha Sam - berkata pihaknya sedia mengusahakan mesyuarat berlandaskan konsep 'World Cafe' bagi membincangkan cara optimum dan berselaraskan membantu ibu tunggal. - Foto M.O. SALLEH

22 Mar 2015

DEWANI ABBAS

BERLANGSUNGNYA satu acara bagi membantu golongan ibu tunggal di Kelab Henderson baru-baru ini dilihat sebagai satu usaha positif di tengah-tengah suasana kos sara hidup yang kian meningkat.

Ibu tunggal juga mengharapkan agar mereka turut diberikan bantuan sebagaimana ibu lain yang berkahwin, dalam usaha menyara keluarga dan membesarkan anak tanpa suami di sisi.

Dan sudah tentu mereka juga memerlukan sokongan emosi seperti kaunseling dan panduan hidup berdikari.

Usaha terbaru di Kelab Henderson itu digerakkan oleh sekumpulan karyawan muda yang menamakannya Project Khadijah, yang antara matlamatnya ialah memperkasa ibu tunggal dengan pekerjaan dan keyakinan diri.

Namun, yang menjadi persoalan, seperti disuarakan oleh pakar terapi keluarga, Cik Hamidah Bahashwan, ialah betapa lebih baik jika usaha membantu golongan ibu tunggal Melayu/Islam ini dapat diselaraskan agar tidak wujud duplikasi bantuan, dan sumber-sumber tenaga terhad yang ada dapat dimanfaatkan dengan lebih berkesan.

Ini memandangkan sudah terdapat beberapa badan yang menjalankan usaha membantu ibu tunggal.

Contohnya, Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS) telah melakar program dan khidmat untuk ibu bapa tunggal dan anak mulai 1988.

Khidmat itu kemudian dinamakan Program As-Salaam. Kini ia turut menghulur bantuan kepada keluarga ibu dan bapa tiri.

Angkatan Karyawan Islam (AMP) pula telah mengadakan Program Perniagaan Mikro dengan kerjasama Pusat Syarikat Kecil dan Sederhana di bawah Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (Pusat SME@DPPMS), yang antara sasarannya adalah ibu tunggal.

Mendaki Sense turut menyediakan khidmat bantuan pepadanan pekerjaan dan kaunseling untuk golongan memerlukan, termasuk ibu tunggal.

Kumpulan seperti Supermoms sg yang dikendalikan bekas ibu tunggal, Cik Sazlina Tamron, baru-baru ini disorot turut menjalankan usaha membantu ibu tunggal dengan menarik mereka menjadi usahawan dalam talian. Kini ia dianggotai sekitar 30 ibu tunggal sejak ditubuhkan awal tahun ini.

Pendeknya, bantuan dalam pelbagai aspek telah diberikan kepada golongan ibu tunggal dan mereka memberi respons.

## **STIGMA 'JANDA' KIAN PUPUS**

“Ibu-ibu tunggal yang perlukan bantuan tidak lagi segan tampil ke depan kerana stigma sebagai ‘janda’ sudah kian pupus hari ini,” kata Cik Hamidah, pengasas Emotion Works, sebuah syarikat modal insan.

“Oleh itu, banyak pihak – ‘berpoket-poket’ – mahu beri bantuan kepada golongan ibu tunggal yang sama. Jadi, mengapa tidak kita bekerjasama memberi bantuan kepada mereka tanpa sempadan pertubuhan?”

“PPIS, yang menjalankan projek As-Salaam, misalnya, mungkin terlalu besar, maka itu ia boleh menjadi penyelaras kepada usaha bantuan ini.

“Salah satu manfaat bekerjasama ialah andai kata kita ingin mengemukakan tender bagi satu latihan perniagaan atau pekerjaan bagi ibu-ibu tunggal ini, misalnya, peluang kita mendapatnya adalah lebih baik kerana kita besar,” jelas Cik Hamidah lagi yang memiliki ijazah Sarjana dalam Psikologi dan Sarjana Muda dalam Kerja Sosial dan Sosiologi.

Isu-isu yang dihadapi ibu tunggal juga berbagai-bagai, tambah beliau. Oleh sebab itu, badan-badan boleh memainkan peranan khusus – satu tumpu kepada aspek kajian dan kaunseling, misalnya, satu lagi kepada perniagaan dan satu lagi kepada latihan dan pendanaan.

Pada 2013 sebanyak 1,662 perceraian melibatkan pasangan Islam berlaku, naik daripada 1,587 pada 2012 atau purata 1,500 perceraian sepanjang dua tahun tersebut, berbanding purata perkahwinan Islam sekitar lebih 4,000 setahun.

Lebih dua pertiga daripada mereka mempunyai anak berusia bawah 18 tahun; bermakna sekitar 2,000 kanak-kanak terjejas oleh perceraian itu dan menjadi beban besar bagi ibu tunggal yang kurang sokongan.

## **AWASI SKIM CEPAT KAYA**

Seperkara lagi yang perlu diberi perhatian, tambah Cik Hamidah, ialah mendidik ibu tunggal agar berwaspada terhadap skim cepat kaya, projek pelaburan dan kursus belajar perniagaan yang menelan belanja ribuan dolar yang ditawarkan biasanya secara dalam talian.

“Ibu tunggal selalu jadi sasaran kerana kerap dalam keadaan terdesak dari segi kewangan setelah bercerai.

“Jadi, mereka mudah termakan dengan janji manis oleh pihak yang mengambil kesempatan akan kelemahan mereka, tanpa membuat kajian dahulu.

“Bagi saya, jika ibu-ibu ini ingin menjalankan perniagaan, biar ada barang yang hendak diperniaga, bukan terima tawaran dalam talian yang menjanjikan gaji \$10,000 tanpa mereka perlu keluar rumah. Dengan berbuat demikian, mereka boleh terperangkap dalam penipuan,” tegas Cik Hamidah.

Malah, beliau berpendapat berkaitan dengan isu ibu tunggal beberapa perubahan boleh dilakukan seperti mengubah peranan Darul Ihsan daripada badan yang hanya menjaga dan memberi perlindungan kepada anak yatim kepada yang beri perlindungan dan bantuan kepada anak yang bapa mereka di dalam penjara atau tidak dapat dikesan atau tidak menjalankan tanggungjawab mereka lagi.

Ini memandangkan jumlah anak yatim di institusi seperti itu juga sudah jauh berkurangan, katanya.

## **WORLD CAFE**

Cik Hamidah memberitahu bahawa pihaknya sedia mengusahakan dialog dengan badan-badan berhubung isu ibu tunggal dengan tujuan mencapai kata sepakat.

“Kita boleh buat mesyuarat besar- besaran berlandaskan konsep World Cafe (perbincangan berstruktur dari hati ke hati untuk mengupas sesuatu isu secara kolektif dan capai persetujuan) untuk membincangkan isu ini. Usaha bersama ini pasti akan membuahkan hasil yang terbaik dan ibu bapa tunggal dapat dibantu secara optimum,” usulnya.